

**KESALAHAN - KESALAHAN TATABAHASA  
BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN  
PELAJAR MELAYU THAI**

**WANIDA TEHLONG**

**PROJEK SARJANA DIKEMUKAKAN BAGI  
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI  
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI BAHASA**

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2005**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## PENGAKUAN

Saya mengaku karya ini merupakan hasil karya saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

19. 10. 2005

.....  
  
WANIDA TEHLONG  
M20021000316



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah (SWT), Tuhan semesta alam. Selawat dan salam kepada junjungan besar nabi Muhammad (SAW). Saya bersyukur ke hadrat Allah kerana dengan izin-Nya saya berjaya menyempurnakan projek ini bagi memenuhi sebahagian daripada syarat untuk Ijazah Sarjana Pendidikan dalam bidang bahasa Melayu di Universiti Sultan Idris.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Yang Berbahagia Profesor Dr. Abdul Hamid Mahmood, yang sudi menyelia dengan ikhlas, tekun dan sabar sehingga proses penulisan projek ini dihasilkan.

Saya juga merakamkan terima kasih tujuan kepada semua pensyarah Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa, sahabat di UPSI dan di Thailand yang sudi memberi sokongan dan semangat sepanjang pembelajaran.

Seterusnya ucapan terima kasih saya tujuan kepada semua pihak yang terlibat membantu saya sama ada secara langsung atau tidak bagi membolehkan projek ini dilaksanakan.

Akhir sekali sekalung penghargaan saya tujuan kepada keluarga terutamanya ibu saya Rapiyah binti Muda dan ayah Abdul Manaf bin Chik Ngah, yang banyak berkorban dan sentiasa mendoakan kejayaan dan kesejahteraan saya sepanjang pembelajaran ini. Semua ahli keluarga yang sentiasa sudi memahami, memberi sokongan dan memberi semangat dan menunggu kejayaan saya. Segala pengorbanan dan bantuan mereka saya akan abadikan dalam ingatan.

**WANIDA TEH LONG**  
**Sarjana Pendidikan Bahasa Melayu**  
**Universiti Pendidikan Sultan Idris**  
**Tanjong Malim, Perak.**

**19 Oktober 2005**





## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kekerapan kesalahan tatabahasa bahasa Melayu sebagai bahasa kedua yang dilakukan oleh sekumpulan pelajar Melayu Thai yang sedang mengikuti bidang pengajian peringkat Sarjana Muda Pendidikan di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak Darul Rizduan. Seramai 15 orang pengkhususan Sarjana Muda Pendidikan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa, dipilih sebagai sampel kajian.

Data kajian diperoleh daripada ujian penulisan karangan yang telah diberikan kepada sampel dan dianalisis dengan menggunakan taburan kekerapan. Kesalahan yang dilakukan dianalisis secara terperinci untuk mengenal pasti punca-punca kesalahan. Hasil kajian menunjukkan sampel melakukan kesalahan yang paling kerap dalam aspek morfologi (60.9%), diikuti dengan aspek sintaksis (24%), dan aspek ejaan (15.1%).

Dua faktor yang dikenal pasti menyebabkan kesalahan tatabahasa bahasa Melayu tersebut iaitu gejala pengaruh bahasa pertama atau bahasa ibunda (B1) pelajar terhadap pemelajaran bahasa kedua (B2) atau pengaruhi bahasa dialek.

Akhirnya, beberapa cadangan dikemukakan untuk mempertingkatkan tahap penguasaan dan pencapaian bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Melayu Thai di universiti ini.





## ABSTRACT

This research attempts to identify tree aspects of grammatical error frequently committed by a group of Melayu Thai students learning Malay as a second language when pursuing their Bachelor in Education at Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim. Fifteen Melayu Thai students majoring in Bahasa Melayu at the Bachelor in Education level were selected as samples for this study.

The data this study was obtained through a written work given to the samples which will be analyzed using frequency spread. Errors committed will be analyzed in detail to identify nature of the errors. The result of the study showed that the samples committed frequent errors in morphology (60.9%), syntax (24%), and finally spelling (15.1%).



Two factors were identified which contributed to the grammatical errors in the Malay language and they are influence of the students' first language (L1) in the learning of the second language (L2) or influence dialect.

Finally, several recommendations are proposed to increase the level competency and performance in the Malay language for these groups of Melayu Thai students in this university.





## KANDUNGAN

Muka surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v

## BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Penyataan Masalah	3
1.3 Kepentingan Kajian	4
1.4 Objektif Kajian	5
1.5 Batasan Kajian	6
1.6 Definisi Operational	7
1.6.1 Analisis Kesalahan	7
1.6.2 Kesalahan Bahasa	7
1.6.3 Tatabahasa	8
1.6.4 Bahasa Melayu	9
1.6.5 Bahasa Melayu Baku	9
1.6.6 Pelajar Melayu Thai	10



**BAB 2 KAJIAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	11
2.2	Konsep Kesalahan Bahasa	12
2.3	Definisi Dan Maklumat Analisis	15
2.4	Kajian-Kajian Tempatan	17
2.5	Kajian-Kajian Di Luar Negara	30
2.6	Kesimpulan	35

**BAB 3 METODOLOGI**

3.1	Pendahuluan	37
3.2	Reka Bentuk Kajian	38
3.2.1	Kajian Lapangan	38
3.2.2	Kajian Perpustakaan	38
3.3	Prosedur Kajian	39
3.3.1	Mengenal Pasti Sampel	39
3.3.2	Proses Pentadbiran Ujian	40
3.3.3	Pengelolaan Ujian	40
3.3.4	Pengumpulan Data	41
3.3.5	Penganalisis Data	42
3.4	Penentuan Kesalahan	43
3.4.1	Kesalahan Ejaan	44
3.4.2	Kesalahan Morfologi	45
3.4.3	Kesalahan Sintaksis	59



**BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pendahuluan	64
4.2	Analisis Kesalahan Tatabahasa Bahasa Melayu	64
4.3	Contoh-contoh Kesalahan Tatabahasa Bahasa Melayu	68

**BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.1	Pendahuluan	85
5.2	Kesimpulan	85
5.3	Cadangan	87
5.4	Cadangan Kajian Lanjut	89

**RUJUKAN** 90**LAMPIRAN**

A	Ujian Karangan	98
B	Kekerapan Kesalahan Tatabahasa Bahasa Melayu Dalam Karangan	99



## SENARAI JADUAL

**Jadual****Muka Surat**

4.1	Analisis Kesalahan Tatabahasa Secara Keseluruhan	65
4.2	Analisis Kesalahan Tatabahasa Menurut Jenis Kesalahan	67



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## SENARAI SINGKATAN

UPSI	-	Universiti Pendidikan Sultan Idris
KIY	-	Kolej Islam Yala
BM	-	Bahasa Melayu
STPM	-	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
KBSM	-	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
B1	-	Bahasa Pertama
B2	-	Bahasa Kedua.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan



Melalui kerjasama pendidikan antara Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dengan Kolej Islam Yala (KIY), UPSI telah menerima dua kumpulan pelajar dari Selatan Thailand. Ambilan pertama pada Februari 2002 dan ambilan kedua pada Februari 2003. Pengambilan tersebut menerima pelajar kepada tiga peringkat pengajian, iaitu Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah.

Pelajar yang diterima ini, berketurunan Melayu dan dapat bertutur dalam bahasa Melayu dialek Pattani. Mereka telah menerima pendidikan formal peringkat sekolah rendah dari sekolah yang dikendalikan oleh kerajaan dan menggunakan bahasa Thai sebagai bahasa pengantar. Malahan pendidikan peringkat sekolah menengah mereka telah menerima pendidikan dari sekolah agama swasta atau yang dikenali dengan sekolah agama rakyat. Daripada sudut inilah, mereka dapat mempelajari bahasa Melayu, tetapi kebanyakan guru yang mengajar telah





menyampaikan butiran-butirannya melalui bahasa Thai. Aspek-aspek kemahiran bahasa pun tidak ditekankan.

Pelajar yang telah diterima untuk melanjutkan pelajaran di UPSI, perlu memenuhi syarat yang diwajibkannya dengan mengambil Kursus Intensif Bahasa Melayu yang dikendalikan oleh Fakulti Bahasa. Kursus ini, berlanjutan tiga bulan atau dua ratus empat puluh jam kredit. Kurikulum kursus ini, menekankan aspek kemahiran berbahasa. Tatabahasa diajarkan secara bersepadau dengan kemahiran-kemahiran bahasa yang lain.

Kursus ini dijalankan dalam tiga tahap, iaitu Tahap Asas, Pertengahan dan Lanjutan. Dalam Tahap Asas, kemahiran lisan menjadi fokus utama, manakala dalam Tahap Pertengahan, kemahiran membaca pula dijadikan fokus. Sementara itu, dalam Tahap Lanjutan, kemahiran menulis dijadikan fokus pengajaran, di samping kemahiran lain seperti lisan dan membaca. Oleh sebab fokus kursus ini bertujuan untuk menyediakan pelajar mengikut kursus pada tahap sarjana muda, kurikulum kursus ini digubal berasaskan pencapaian akhir pelajar (*output-base curriculum*). Ini bermakna kumpulan pelajar yang pandai akan mendapat input yang berbeza daripada kumpulan pelajar yang agak lemah. Namun begitu, isi pelajaran masih lagi sama. Melalui kurikulum ini, pensyarah lebih mudah menjalankan pengayaan atau pemulihan secara kumpulan atau individu (Zulkifli Osman dan Idris Mohd. Radzi, 2003: 2).

Selapas tamat kursus ini, pelajar dapat menguasai kemahiran bahasa Melayu seperti kemahiran lisan, menulis dan membaca. Penguasaan sesuatu bahasa bererti





keupayaan seseorang menguasai aspek sebutan, ejaan, istilah kosa kata, dan tatabahasa dalam bahasa itu. Salah satu matlamat dalam pendidikan bahasa Melayu pelajar perlu menguasai aspek tatabahasa.

Aspek tatabahasa perlu ditekankan, di samping itu pengkaji meninjaukan aspek kesalahan tatabahasa dalam kalangan pelajar Melayu Thai di UPSI. Analisis kesalahan memberikan maklumat tentang daerah-daerah yang menjadi kesulitan pelajar yang perlu diberikan tumpuan yang lebih. Analisis kesalahan dapat juga mengesan punca-punca kesulitan itu dan daripadanya dapat dicadangkan langkah-langkah pembaiikannya.

Seterusnya, diperkatakan pernyataan masalah, objektif kajian, kepentingan



## 1.2 Penyataan Masalah

Masalah kesalahan dalam sesuatu bahasa kerap dilakukan oleh pengguna bahasa itu, dalam bahasa Melayu masalah ini turut berlaku. Berdasarkan kepentingan penguasaan bahasa Melayu dalam proses pengajaran dan pembelajaran, maka rasional pengkaji memfokuskan kajian analisis kesalahan tatabahasa bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Melayu Thai di UPSI. Di Thailand, kajian tentang analisis kesalahan tatabahasa bahasa Melayu belum lagi diwujudkan dengan secara ilmiah.





### 1.3 Kepentingan Kajian

Kajian tentang penguasaan tatabahasa bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Melayu Thai di UPSI penting atas sebab-sebab berikut:

1. Hasil kajian ini akan dapat menjelaskan jenis-jenis kesalahan bahasa yang sering dilakukan oleh pelajar Melayu Thai.
2. Kajian ini akan dapat membantu guru-guru mata pelajaran bahasa Melayu di Selatan Thailand merangka dan merancangkan strategi pengajaran bahasa Melayu yang lebih baik dan berkesan.
3. Kajian ini dapat menjadikan bahan rujukan kepada para penyelidik yang berminat dengan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di Thailand.
4. Kajian ini dapat membantu pihak pembuat dasar pendidikan, terutama pegawai-pegawai yang terlibat dalam perancangan dan pembinaan kurikulum bahasa Melayu untuk sekolah-sekolah di Thailand. Mereka boleh menjadikan jenis-jenis kesalahan penggunaan tatabahasa bahasa Melayu sebagai maklumat untuk memperbaiki sistem pengajaran dan pembelajaran bahasa agar lebih berkesan.
5. Kajian ini juga akan dapat memberikan sumbangan ilmiah terhadap penyelidikan yang akan datang.

Dengan demikian, dapat disimpulkan bahawa melalui analisis kesalahan, dapat meninjaukan tahap keupayaan dan prestasi bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Melayu Thai UPSI mengetahui masalah linguistik dan psikologi yang dihadapi oleh





mereka. Dengan itu, dapat difikirkan suatu strategi pengajaran yang lebih praktis dan berkesan.

#### 1.4 Objektif Kajian

Kajian ini secara umumnya bertujuan untuk mengesan dan mengenal pasti tahap penguasaan tatabahasa bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Melayu Thai pengkhususan peringkat Sarjana Muda Pendidikan bahasa Melayu yang sedang mengikuti pendidikan formal di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan.



Kajian ini dilakukan untuk mencapai objektif-objektif yang berikut:

1. Untuk menentukan jenis kesalahan tatabahasa pelajar Melayu Thai.
2. Untuk mengenal pasti kekerapan kesalahan tatabahasa Melayu yang dilakukan oleh pelajar Melayu Thai.
3. Untuk menentukan kekerapan kesalahan tatabahasa bagi setiap jenis kesalahan yang dilakukan.
4. Untuk mengenal pasti kekerapan pelajaran dalam aspek-aspek tatabahasa bahasa Melayu.
5. Untuk mencadangkan langkah-langkah bagi memperbaiki kelemahan-kelemahan pelajar dalam penguasaan tatabahasa bahasa Melayu.





## 1.5 Batasan Kajian

Kajian ini pengkaji hanya dibataskan kepada pelajar Melayu Thai, pengkhususan peringkat Sarjana Muda Pendidikan bahasa Melayu yang sedang mengikuti pendidikan formal di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan.

Jenis-jenis kesalahan bahasa Melayu yang dikaji dalam karangan yang dihasilkan oleh contoh itu adalah dibataskan pula kepada kesalahan peringkat ejaan, morfologi dan sintaksis yang terdapat dalam penulisan karangan iaitu:

### 1. Kesalahan Ejaan



### 2. Kesalahan Morfologi

- 2.1 Kesalahan pilihan perkataan (M1)
- 2.2 Kesalahan Imbuhan (M2)
- 2.3 Kesalahan penggunaan bentuk kata ganda (M3)
- 2.4 Kesalahan penggunaan kata sendi nama (M4)
- 2.5 Kesalahan penggunaan kata bilangan (M5)
- 2.6 Kesalahan penggunaan kata bantu (M6)
- 2.7 Kesalahan penggunaan kata penegas (M7)
- 2.8 Kesalahan penggunaan kata Tanya (M8)
- 2.9 Kesalahan penggunaan kata hubung (M9)
- 2.10 Kesalahan penggunaan kata pemeri (M10)

### 3. Kesalahan Sintaksis

- 3.1 Struktur ayat aktif (S1)





### 3.2 Struktur ayat pasif (S2)

### 3.3 Struktur ayat majmuk gabungan (S3)

## 1.6 Definisi Operasional

Beberapa istilah khusus telah digunakan dalam kajian ini. Istilah-istilah tersebut seperti yang berikut:

### 1.6.1 Analisis kesalahan



Menurut Hartman dan Stok (1972), analisis kesalahan ialah teknik mengukur kemajuan bahasa secara merakam, mengklasifikasikan, menginterpretasikan serta mencari punca-punca kesalahan bahasa yang dilakukan oleh pelajar sama ada sebagai individu ataupun sebagai kumpulan (Muhammed Salehudin Aman, 1993).

### 1.6.2 Kesalahan Bahasa

Kesalahan bahasa disebut juga sebagai kesalahan tatabahasa . Nik Safiah Karim (1980: 10) dan Awang Sariyan (1984: 50), menyatakan kesalahan bahasa sebagai penggunaan bahasa yang menyimpang daripada sistem bahasa atau peraturan-peraturan bahasa yang telah dipersetujui, sama ada peringkat sebutan, pilihan kata atau susunan frasa dan ayat. Menurut Pit Corder (1967),





pula menyatakan bahawa kesalahan bahasa adalah ujaran-ujaran yang menyimpang daripada bentuk-bentuk yang dituturkan oleh penutur jati.

Kesimpulannya, kesalahan bahasa ialah penggunaan bahasa yang melanggar hukum-hukum tatabahasa yang berlaku secara tekal dan sistematik.

### 1.6.3 Tatabahasa

Menurut Nik Safiah Karim dan rakan-rakan (2002: xviii), menyatakan bahawa tatabahasa biasanya dilakukan daripada dua segi, iaitu dari segi perkataan-perkataan dibentuk daripada bunyi-bunyi bahasa dan dari segi perkataan-perkataan ini disusun menjadi ayat. Dalam istilah linguistik bidang huraihan pada peringkat perkataan disebut **morfologi** sementara bidang huraihan pada peringkat ayat diberi nama **sintaksis**.

Menurut Arbak Othman (1981: 1), tatabahasa mempunyai ciri-ciri yang teratur dan kemas yang dipanggil oleh ahli-ahli bahasa sebagai sistem yang berperaturan. Peraturan-peraturan sistem pengucapan itulah yang difahamkan sebagai tatabahasa. Dengan kata lain, tatabahasa itu bukan hanya huraihan tentang kewujudan sistem bahasa, tetapi juga alat untuk membentuk ayat, frasa-frasa, morfem-morfem dan suku-suku kata yang gramatikal dalam sesuatu bahasa. Menurut Hamdan Sheik Tahir (1979: 29), menyatakan tatabahasa secara amnya merangkumi dua aspek; aspek pertama ialah morfologi, iaitu bentuk dan struktur kata dan aspek kedua ialah sintaksis, iaitu penyusunan kata dalam frasa dan ayat.





Dalam kajian ini, tatabahasa ialah bidang yang merangkumkan perhatian terhadap pembentukan kata dan proses pembinaan ayat sesuatu bahasa. Kedua-dua aspek ini menjadi dasar kajian tentang analisis kesalahan tatabahasa bahasa Melayu.

#### **1.6.4 Bahasa Melayu**

Bahasa Melayu ialah bahasa ibunda etnik Melayu. Bahasa Melayu kebanyakan digunakan di Malaysia, Indonesia, Singapura, Brunei Darussalam, Selatan Thailand, dan Selatan Filipina. Daripada segi status, bahasa Melayu adalah bahasa yang kelima terpenting di dunia kerana mempunyai penutur kira-kira dua ratus juta orang.



Bahasa Melayu telah dimaktubkan dalam perlembagaan Malaysia (1979). Perkara 152 (1) menjelaskan bahawa bahasa kebangsaan bagi Malaysia ialah bahasa Melayu. Dalam konteks kajian ini, bahasa Melayu dimaksudkan ialah bahasa pengantar ilmu pengetahuan di sekolah-sekolah dan institusi pendidikan tinggi di Malaysia mengikut Dasar Pendidikan Kebangsaan.

#### **1.6.5 Bahasa Melayu Baku**

Menurut Nik Safiah Karim (1996: 22), bahasa standard atau baku ialah bahasa yang telah menerima pengekodan atau penyeragaman dari aspek-aspek





tatabahasa, ejaan, makna dan sebutan. Bahasa baku ini digunakan dalam konteks penggunaan rasmi dan situasi-situasi formal yang lain.

Menurut Abdullah Hassan (1987: 5), bahasa baku ialah suatu norma yang agak seragam, atau suatu dialek bahasa yang digunakan oleh sesuatu golongan penutur untuk perhubungan. Demi perkembangan pesat serta pemantapan bahasa, pembakuan bahasa perlu dilakukan tetapi proses kearah ini memakan waktu yang panjang pula.

Kesimpulannya, bahasa Melayu baku merujukkan bahasa yang digunakan dalam situasi-situasi rasmi seperti dalam surat rasmi, laporan, iklan dan sebagainya. Tujuan pembakuan bahasa adalah untuk menimbulkan identiti



### 1.6.6 Pelajar Melayu Thai

Pelajar Melayu Thai ialah pelajar Melayu yang berasal dari Thailand. Mereka berketurunan Melayu dan boleh bertutur bahasa Melayu, variasi dialek tempatan, iaitu dialek Pattani, malahan bahasa Thai juga digemari bertutur oleh mereka. Mereka sedang mengikuti bidang bahasa Melayu peringkat Sarjana Muda di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

